

e-Buletin BHEUU

EDISI MEI DAN JUN 2021



BAHAGIAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

WARNA WARMI HARI RAYA AIDILFITRI



PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1442 HIJRIAH



**YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-Undang)**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Prihatin.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi, kita diberikan kesempatan menyempurnakan amal ibadat di sepanjang bulan Ramadan al-Mubarak ini. Semoga amalan ikhlas kita kerana Allah ini akan dikurniakan ganjaran yang besar di sisi-Nya, dan kehadiran 1 Syawal 1442 ini sekali lagi merupakan kemenangan buat kita semua. Saya sedar dan percaya ekoran pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara ini sejak lebih setahun yang lalu ramai dari kalangan warga Kluster Parlimen dan Undang-Undang terpaksa mengorbankan perasaan kerana tidak dapat bersama keluarga di desa sempena hari besar ini seperti mana biasa.

Justeru saya menyeru agar kita semua bersabar dan meredai ketetapan ini, maka manfaatkanlah kecanggihan teknologi pelbagai aplikasi untuk kita berhubung dengan ibu bapa, adik beradik dan sanak saudara yang berada di kampung. Sudah tentu keberadaan itu tidak sama, namun ia tetap dirasai walau hanya secara maya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua warga kerja Kluster Parlimen dan Undang-Undang khususnya yang meraikan Aidilfitri seterusnya kepada semua muslimin dan muslimat tidak kira di mana jua anda berada. Marilah kita menyambut Aidilfitri kali ini dengan penuh keinsafan dalam suasana norma baharu. Sentiasa patuhi SOP yang ditetapkan. Jauhi dan elakkan perkara yang dilarang pihak berkuasa kesihatan.

**Syawal dinanti menjelang tiba,
Gemersik takbir meruntun jiwa,
Sekiranya ada salah dan dosa,
Ampun dipinta di hari mulia.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

MEI 2021-JUN 2021



BENGKEL SEMAKAN AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 1999 [AKTA 597]

Bengkel Semakan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] telah berlangsung pada 3 Mei 2021 (Isnin) bertempat di Hotel Zenith Putrajaya. Bengkel ini diadakan sebagai kesinambungan usaha Kerajaan untuk meneliti cadangan pindaan yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan sebagai platform bersama pegawai-pegawai tinggi Agensi Kerajaan berkaitan bagi menetapkan hala tuju selanjutnya bagi pindaan Akta SUHAKAM 1999. Seramai 47 orang pegawai dari Jabatan/Agensi berkaitan termasuk pegawai dari Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) terlibat dalam menjayakan bengkel sehari ini.



KURSUS REKA MONTAJ VIDEO

Kursus Reka Montaj Video telah diadakan pada 3 Mei hingga 5 Mei 2021 (Isnin hingga Rabu) bertempat di Bilik Latihan ICT, Aras 4, BHEUU. Kursus ini dihadiri seramai 25 orang pegawai dari BHEUU yang dikendalikan oleh Encik Mohammad Izwan Abd. Rahim, Pegawai Teknologi Maklumat daripada Sektor Portal dan Multimedia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran peserta kursus khususnya dalam menghasilkan rekaan video montaj bagi tujuan promosi sesuatu barang, pengajaran, pembelajaran, pembentangan atau majlis pelancaran yang mampu menarik perhatian orang ramai. Selain itu dengan penganjuran kursus ini diharapkan dapat meningkatkan kreativiti peserta dalam menghasilkan sesuatu rekaan montaj video yang berkualiti dan kreatif.



BENGKEL PELAN TINDAKAN NASIONAL MENGENAI PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA (NAPBHR) BERKAITAN ISU-ISU ALAM SEKITAR



Pada 24 Mei 2021 (Isnin), Bengkel Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) Berkaitan Isu-Isu Alam Sekitar telah berlangsung secara maya bertempat di Aras 6, BHEUU. Bengkel bermula dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh YBrs. Tuan Abdul Aziz Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan), BHEUU kemudian diikuti ucapan oleh Ms. Manon Bernier, wakil daripada United Nation Development Program (UNDP). Pelaksanaan bengkel ini adalah inisiatif BHEUU dengan kerjasama UNDP dan disokong oleh SUHAKAM telah disertai oleh seramai 85 orang pegawai Kerajaan dari pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta wakil UNDP dan SUHAKAM.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai United Nation Guiding Principle on Business and Human Rights (UNGPr), meningkatkan pemahaman dan penghayatan mengenai kepentingan membangunkan suatu NAPBHR di Malaysia di kalangan peserta bengkel selain menjadi platform bagi bertukar pandangan terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi dalam menangani isu-isu perlanggaran hak asasi manusia terutamanya berkaitan dengan alam sekitar oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi berkaitan.



INFOGRAFIK



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19

23 MEI 2021

Pendaftaran bagi suntikan vaksin dibuka buat warga emas berusia 60 tahun ke atas yang menetap di:

- Johor
- Kuala Lumpur
- Pulau Pinang
- Sarawak
- Selangor



Sila ke pautan :

www.vaksincovid.gov.my

dan daftar sekarang!!

Sumber : Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV)

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**

Takiyuddin Haji Hassan @takiyuddin61 @takiyuddin.hassan
#MyLaw | #JPM | #ParlimenMalaysia | #Kitajagakita | #PrihatinRakyat

INFOGRAFIK



Kerajaan tidak pernah campurtangan dalam sebarang urusan Jawatankuasa Khas Bebas Darurat sebaliknya memberikan sepenuh kerjasama supaya jawatankuasa ini dapat melaksanakan fungsinya sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 2 iaitu,

"Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa khas bebas untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai kewujudan berterusan darurat besar yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)".

Datuk Seri Takiyuddin bin Haji Hassan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-Undang)
Ahli Parlimen Kota Bharu

13 Jun 2021

Takiyuddin Haji Hassan @takiyuddin61 @takiyuddin.hassan
#MyLaw | #JPM | #ParlimenMalaysia | #MenangBersama | #LindungDiriLindungSemua

MEI 2021-JUN 2021


PEGAWAI BAHARU BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BULAN MEI 2021



**PUAN NURUL AKMA BINTI MOHD ZAINUDIN
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**
Tarikh Lapor Diri : 31 Mei 2021

MEI 2021-JUN 2021

PEGAWAI BAHARU BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BULAN JUN 2021



**PUAN IDA ROHANA BINTI OTHMAN
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M44**
Tarikh Lapor Diri : 15 Jun 2021



**PUAN NOOR AZALAILI BINTI ROZEMI
PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19**
Tarikh Lapor Diri : 14 Jun 2021

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR BAHAGIAN HAL EH WAL UNDANG-UNDANG BULAN MEI 2021



**PUAN ATIRAH BINTI HASHAIM
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W22 (TBK)**

Tarikh Lapor Diri : 31 Mei 2021

Jabatan Baru : Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komuniti (MPIC)



**ENCIK BASKARAN A/L MANOGARAN
PERSONEL MYSTEP 41**

Tarikh Letak Jawatan : 31 Mei 2021

MEI 2021-JUN 2021

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR BAHAGIAN HAL EH WAL UNDANG-UNDANG BULAN JUN 2021



**PUAN LEELA A/P SENDARAO
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M44
Tarikh Lapor Diri : 15 Jun 2021**

Jabatan Baru : Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri



Diterbitkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3
62692 PUTRAJAYA

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

E-mel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my



bheuujpm



www.bheuu.gov.my